

D784

U B712 AAB
LEAD KEMUNCAK - SEKRETARIAT R'R'R'

KUALA LUMPUR, 1 JUN (BERNAMA) -- MALAYSIA AKAN MENIMBANG MENEMPATKAN SEKRETARIAT TETAP G-15 YANG DICADANGKAN DI NEGARA INI JIKA NEGARA-NEGARA ANGGOTA LAIN MENYOKONGNYA, MENTERI LUAR, DATUK ABU HASSAN OMAR BERKATA HARI INI.

+BAGAIMANAPUN, KITA TERPAKSA TUNGGU CADANGAN DARIPADA NEGARA-NEGARA ANGGOTA KETIKA MEREKA BERMESYUARAT,+ BELIAU MEMBERITAHU PEMBERITA SELEPAS MAJLIS PERASMIAN PERSIDANGAN KEMUNCAK KUMPULAN PERUNDINGAN DAN KERJASAMA SELATAN-SELATAN (G-15) DI BANGUNAN PARLIMEN DI SINI.

PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD TELAH MEMBERI JAMINAN TERHADAP SOKONGAN MALAYSIA BAGI PENUBUHAN SEBUAH SEKRETARIAT SEUMAPAMA ITU KETIKA MENYAMPAIKAN UCAPAN PADA MAJLIS PERASMIAN BERKENAAN.

BELIAU JUGA BERKATA, SEKRETARIAT ITU TIDAK PERLU SEBUAH ORGANISASI YANG BESAR TETAPI CUKUP SEKADAR MEMPUNYAI KAKITANGAN YANG MINIMUM DAN BELANJAWAN YANG SEDERHANA.

+KITA SEDIA MENEMPATKAN SEKRETARIAT ITU DI SINI JIKA TIDAK TERDAPAT BANTAHAN DARIPADA NEGARA-NEGARA ANGGOTA YANG LAIN,+ KATA DATUK ABU HASSAN.

MENGENAI STRUKTUR SEKRETARIAT ITU, DATUK ABU HASSAN BERKATA, ROMBONGAN YANG MENGHADIRI SIDANG KEMUNCAK BERKENAAN PERLULAH MEMBINCANGKANNYA DENGAN LEBIH MENDALAM.

KATANYA, TERDAPAT BEBERAPA IDEA, SEPERTI MENGUMPULKAN SATU KUMPULAN PROFESIONAL DAN PEGAWAI TERPILIH DARIPADA NEGARA-NEGARA ANGGOTA MANAKALA NEGARA DI MANA SEKRETARIAT ITU DITEMPATKAN AKAN MENYEDIAKAN TENAGA KERJANYA. -- LAGI.

1546MST 01 06 90

D791

U B716 AAB
LEAD KEMUNCAK - SEKRETARIAT 2 KUALA LUMPUR

G-15 TERDIRI DARIPADA ALGERIA, ARGENTINA, BRAZIL, MESIR, INDIA, INDONESIA, JAMAICA, MALAYSIA, MEXICO, NIGERIA, PERU, SENEGAL, VENEZUELA, YUGOSLAVIA DAN ZIMBABWE.

MENTERI HAL EHWAL VENEZUELA, REINALDO FIGUEREDO BERKATA, KERAJAAN NEGARANYA MENYOKONG IDEA UNTUK MEMUJUDKAN SEBUAH SEKRETARIAT TETAP BAGI G-15 DAN MENAMBAH KATA BAHAWA VENEZUELA SEDIA MENGADAKAN MEKANISME YANG DIPERLUKAN BAGI PENUBUHAN SEKRETARIAT ITU.

KATANYA, SIDANG KEMUNCAK ITU TIDAK SEHARUS HANYA MENJADI TEMPAT PERTUKARAN IDEA TETAPI JUGA SATU PERTEMUAN YANG DAPAT MENGHASILKAN PELAN BERTINDAK YANG KONKRIT UNTUK MENGATASI MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI OLEH NEGARA-NEGARA SELATAN.

ENCIK FIGUEREDO MENYAMBUK BAIK USAHA MALAYSIA DALAM MEMULAKAN KERJASAMA SELATAN-SELATAN DAN MENJADI TUAN RUMAH KEPADA SIDANG KEMUNCAK PERTAMA G-15 YANG BELIAU SIFATKAN SEBAGAI PALING BERSEJARAH.

MENTERI LUAR NIGERIA, RILWANU LUKMAN BERKATA, CADANGAN MALAYSIA BAGI PENUBUHAN SEBUAH SEKRETARIAT TETAP G-15 YANG TERMASUK MEMUJUDKAN SEBUAH RANGKAIAN MAKLUMAT PERDAGANGAN DAN PUSAT PERTUKARAN DATA PELABURAN SELATAN IALAH SATU TINDAKAN YANG MUNASABAH MEMANDANGKAN NEGARA-NEGARA SELATAN TIDAK MEMILIKI PERKHIDMATAN SEUMPAMA ITU DALAM USAHA UNTUK MENINGKATKAN PERDAGANGAN DI KALANGAN MEREKA. -- LAGI.

1601MST 01 06 90

0793

U B717 AAB
LEAD KEMUNCAK - SEKRETARIAT 3 KUALA LUMPUR

ENCIK LUKMAN BERKATA, TEMPAT SEKRETARIAT TETAP ITU PERLU LAH DIPUTUSKAN OLEH KETUA-KETUA KERAJAAN YANG BERMESYUARAT PADA SIDANG KEMUNCAK INI.

SEMENTARA ITU, MENTERI LUAR ZIMBABWE, NATHAN SHAMUYARIRA BERKATA, ADALAH TERLALU AWAL UNTUK MENGATAKAN DI NEGARA MANAKAH SEKRETARIAT TETAP G-15 ITU HARUS DITEMPATKAN.

IA PERLU DIBINCANGKAN DENGAN LEBIH MENDALAM OLEH NEGARA-NEGARA BERKENAAN, JELAS BELIAU. -- BERNAMA.

1604MST 01 06 90